



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 19 MAC 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5.	PENGHARAMAN PARAQUAT TIDAK BEBANKAN PELADANG, PETANI, NEGARA, KOSMO – 19 RACUN PARAQUAT DIHARAM JANUARI DEPAN, ISU, BH – 7 BERNAS PERLU SAHUT CABARAN GIATKAN TEKNOLOGI PERTANIAN, BH – ONLINE “PARAQUAT BAN WON’T HAVE MAJOR IMPACT ON IGRICULTURE COSTS”, BORNEO POST – ONLINE HARAMKAN TERUS RACUN PARAQUAT, MY METRO – ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
6. 7. 8. 9. 10.	SUNGAI KIM KIM : JAWATANKUASA KHAS PANTAU SAMPEL IKAN, KUALITI AIR, BH – ONLINE WARGA ASING KENA CEKUP TANGKAP IKAN TANAPA LESEN, BH – ONLINE JANGAN TANGKAP IKAN TEMELIAN, SENTRAL, SH - 22 2 PEMANCING HILANG BOT KARAM, SETEMPAT, HARIAN METRO – 28 TIDAK BERI KESAN BESAR KEPADAN PENTERNAKAN IKAN, PETANI, PENCEMARAN SUNGAI KIM KIM, SINAR HARIAN - 13	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
11. 12.	MEMPERKASA INDUSTRI HAB HALAL NEGARA, RENCANA, UTUSAN MALAYSIA – 17 KAWASAN TERNAKAN TIDAK TERJEJAS, ALAM SEKITAR, BH - 17	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
13.	PETANI BIMBANG RUGI BESAR, SETEMPAT, HARIAN METRO - 15	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Pengharaman paraquat tidak bebaskan peladang, petani

PUTRAJAYA - Pengharaman racun rumpai paraquat bermula 1 Januari 2020 tidak akan memberi kesan besar dari segi kos kepada peladang dan petani di negara ini, kata Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub.

Beliau berkata, walaupun paraquat lebih murah berbanding racun alternatif yang dicadangkan kerajaan seperti glyphosate dan glufosinate-ammonium, paraquat perlu digunakan lebih kerap berbanding racun alternatif tersebut.

"Racun alternatif lebih mesra alam walaupun ambil masa dua hingga tiga hari untuk nampak kesan, tetapi ia membunuh sehingga ke akar," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan Kempen Pengharaman Paraquat di sini semalam.

Paraquat adalah racun rumpai yang bertindak secara sentuhan dan menjadi pilihan utama petani kerana mudah didapati dengan kos murah.



SALAHUDDIN (tengah) melancarkan Kempen Pengharaman Paraquat di Putrajaya semalam.

Bagaimanapun, racun itu berbahaya kepada manusia kerana boleh menyebabkan iritasi pada mata dan kulit selain sesak nafas, kehausan,

tekanan darah meningkat, kegagahan buah pinggang, kerosakan paru-paru dan hati serta kematian jika terminum. - Bernama

Racun Paraquat diharam Januari depan

➔ Penggunaan
ancam alam
sekitar, bahaya
kepada kesihatan

Oleh **Samadi Ahmad**
news@nstp.com.my

Putrajaya

Jabatan Pertanian akan menguat kuasa pengharaman penggunaan racun Paraquat dalam pertanian kerana dibuktikan sebagai ejen pencemar alam sekitar dan berbahaya kepada kesihatan pengguna bermula awal Januari tahun depan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Datuk Salahuddin Ayub, berkata penggunaan racun tidak berdaftar itu bukan sahaja mengancam keselamatan makanan negara, malah turut membahayakan kesihatan dan merosakkan alam sekitar.

Bellau juga berkata penghar-

aman Paraquat tidak akan memberi kesan besar dari segi kos kepada peladang dan petani di negara ini.

Katanya, walaupun Paraquat lebih murah berbanding racun alternatif yang dicadangkan kerajaan seperti glyphosate dan glufosinate-ammonium, Paraquat perlu digunakan lebih kerap berbanding racun alternatif itu.

Terhad kepada 4 tanaman

Katanya penggunaan racun Paraquat itu pula hanya terhad kepada empat jenis tanaman iaitu kelapa sawit berumur di bawah dua tahun, getah, padi bukit dan penggunaan membunuh tunggul tanaman nanas yang dipantau mengikut Peraturan-Peraturan Racun Perosak Bertuasa 1996.

"Racun makhluk perosak yang tidak didaftarkan itu dijual pada harga yang lebih murah berbanding racun berdaftar sekali gus menyebabkan petani memilih jalan mudah untuk penjimatan," katanya pada sidang media Majlis Pelancaran Kempen Kesedaran Pengharaman Paraquat di Kementerian di sini semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) MOA, Datuk Salim Parlan dan Ketua Pengarah Pertanian, Datuk Jamal Harizan Yang Razali.

Cadangan pengharaman Paraquat diusulkan Kementerian Kesihatan pada 1985 dan Jabatan Pertanian melalui Lembaga Racun Makhluk Perosak mengambil pendekatan berhemah sejak tahun 2006 dalam menuju pengharaman racun berkenaan.

Kesan penggunaan racun berkenaan tiada antidot dan tidak mudah terurai dalam tanah serta mendatangkan kesan buruk jangka panjang seperti dermatitis, kegagalan buah pinggang, kegagalan pernafasan, kanser kulit, parkinson, ketidaksuburan, keguguran dan kecacatan bayi.

Salahuddin berkata, racun Paraquat itu dipercayai mengandungi perawis aktif yang menyebabkan sifat membunuh kepada rumput apabila terkena pada bahagian tumbuhan dan bertindak cepat serta tahan siraman hujan walaupun dalam masa singkat selepas kerja semburan dilakukan.

[FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR /BH]



Salahuddin (kiri) melancarkan Kempen Kesedaran Pengharaman Paraquat di Putrajaya, semalam.

"Bagi mengatasi masalah lambakan racun makhluk perosak tidak berdaftar itu, MOA melalui Unit Serbuan Bahagian Kawalan Racun dan Baja akan melakukan penguatkuasaan yang lebih kerap terutamanya membabitkan kawasan panas dan kemasukan di pintu masuk sempadan negara," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/3/2019	BH	ONLINE	

Bernas perlu sahut cabaran giatkan teknologi pertanian



SERI KEMBANGAN: Agensi Padiberas Nasional Malaysia (BERNAS) dinasihatkan tidak berasa terlalu selesa dengan kejayaan yang dikecapi dalam membantu golongan petani dan pesawah membangunkan industri padi dan beras negara.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, berkata agensi itu perlu mengorak langkah secara menyeluruh menerokai bidang baharu menjurus kepada pemodenan pertanian.

“Kita perlu didik petani, berikan mereka tumpuan kepada teknologi dron dan ‘smart farming’ khususnya kepada golongan petani muda. BERNAS yang meraikan 25 tahunnya perlu menitikberatkan hal itu supaya dalam apa juga keadaan mereka tetap unggul dan mampu bersaing.

“Macam kita lihat syarikat multinasional yang lain di mana mereka peka terokai bidang baharu yang mencabar. BERNAS juga perlu kuasanya untuk menjadi jaguh antarabangsa mengajar segalanya kepada petani dan pesawah,” katanya pada majlis Anugerah Tani Bernas (ATB) 2019 di sini malam tadi. Salahuddin berkata, pihaknya juga akan membantu pihak BERNAS dalam menyediakan keperluan bagi mendepani perkara itu.

Sementara itu, Pengerusi BERNAS, Megat Joha Megat Abdul Rahman, berkata pihaknya menyokong kuat saranan kerajaan itu.

“BERNAS menyokong hala tuju kementerian yang dilancarkan pada 14 Februari lalu untuk memoden dan meningkatkan pengeluaran pertanian bagi menjamin kestabilan bekalan dan harga makanan negara.

“Peningkatan produktiviti beras tempatan bukan saja dapat ditingkatkan sekali gus mengukuhkan bekalan beras dalam negara tetapi akan turut mempertingkatkan taraf ekonomi luar bandar sejajar dengan aspirasi kerajaan untuk mentransformasikan sektor agromakanan negara,” katanya yang turut hadir pada majlis itu. Sebanyak 11 anugerah disampaikan termasuk diumumkan tiga pesawah muda bagi tiga kategori utama pada majlis itu.

Anugerah Pesawah Cemerlang diraih Norzan Abdullah, 39, dari Kubang Rotan, Kedah, yang terpilih berdasarkan sumbangan dan pencapaian yang konsisten dalam pengeluaran hasil padi yang baik dan bermutu tinggi. Beliau membawa pulang wang tunai RM10,000, sebuah motosikal Kriss MR2, trofi dan sijil. Muhammad Fadhlan Suhaimi, 29, dari Peringat, Kelantan, dinobatkan penerima Anugerah Khas Pesawah Belia dan Noorshamsina Shamsul, 34, dari Sungai Manik, Perak, menerima Anugerah Khas Srikandi.

Kedua-dua mereka, masing-masing menerima hadiah wang tunai RM5,000, sebuah motosikal, trofi dan sijil. – BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/3/2019	BORNEO POST	ONLINE	

'Paraquat ban won't have major impact on agriculture costs'



PUTRAJAYA: The ban on the herbicide paraquat beginning Jan 1, 2020 will not have a major effect on the costs to estates and farmers in the country, said Agriculture and Agro-Based Industry Minister Datuk Salahuddin Ayub.

He said although paraquat was cheaper compared to other poisons proposed by the government, namely glyphosate and glufosinate-ammonium, it has to be applied more frequently than the two alternative herbicides.

"Half-an-hour after paraquat is sprayed, you can see black marks on the leaves, and the farmers like this because the effect looks fast, but the roots are not killed and they have to apply the paraquat several times.

"The alternative poisons are more environment-friendly, even though it takes about two to three days to show an effect, but it kills right down to the roots.

"So use the alternative poisons, although they seem slow, but they are very effective and there is very little difference in price," he said at a press conference held after the launch of a campaign on the ban of paraquat use here yesterday.

On the campaign, Salahuddin said all parties especially farmers must be made aware of the dangers of using paraquat to health and the environment.

He said the Cabinet had decided in 2002 to ban paraquat beginning next year to enable studies on reducing its impact on the agriculture industry.

During this time, he said, the ministry also attended several international conventions such as the Rotterdam, Basel and Stockholm conventions, to study all the resolutions discussed before taking further steps towards a total ban of the poison.

"The government has also limited the use of paraquat to four types of plants, namely rubber, oil palm under two years, hill padi and to kill pineapple stems," he said,

Following the ban of the poison, the Malaysian Quarantine and Inspection Services (MAQIS) will monitor all entry points into the country to ensure that paraquat is not smuggled in, he said.

Salahuddin said from next year, any use of paraquat would be subject to the Poisons Act 1952 and users will be fined up to RM10,000 for a first offence and RM50,000 for a second offence.

Paraquat is a herbicide which acts on contact and is the main choice of farmers because it is easily available at a low cost.

However, the poison is dangerous to humans as it could cause irritation to the eyes and skin, as well as breathing difficulties, thirst, increased blood pressure, kidney failure, lung and liver damage, as well as death if consumed. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/3/2019	MY METRO	ONLINE	

Haramkan terus racun paraquat



JABATAN Pertanian Malaysia akan menguatkuasakan pengharaman penggunaan racun paraquat dalam pertanian bermula awal Januari tahun depan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Salahuddin Ayub berkata, penggunaan racun tidak berdaftar itu bukan saja menyebabkan keselamatan makanan negara terancam malah, turut membahayakan kesihatan masyarakat dan merosakkan alam sekitar.

Menurutnya, penggunaan racun itu hanya terhad kepada empat jenis tanaman sahaja iaitu kelapa sawit berusia bawah dua tahun, getah, padi bukit dan kegunaan membunuh tunggul tanaman nanas yang dipantau mengikut Peraturan-Peraturan Racun Makhluk Perosak (Racun Makhluk Perosak Amat Berbisa) 1996.

"Racun makhluk perosak yang tidak didaftarkan itu dijual pada harga lebih murah berbanding racun berdaftar sekali gus menyebabkan golongan petani memilih jalan mudah untuk penjimatan," katanya pada sidang media Majlis Pelancaran Kempen Kesedaran Pengharaman Paraquat di kementeriannya di Putrajaya tadi.

Hadir sama, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Salim Parlan dan Ketua Pengarah Pertanian Datuk Jamal Harizan Yang Razali.

Dalam pada itu, Salahuddin berkata, racun paraquat dipercayai mengandungi perawis aktif yang menyebabkan sifat membunuh kepada rumpai apabila terkena pada bahagian tumbuhan dan bertindak cepat serta tahan siraman hujan walaupun dalam masa singkat selepas kerja semburan dilaksanakan.

"Justeru, bagi mengatasi masalah lambakan racun makhluk perosak tidak berdaftar ini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Unit Serbuan Bahagian Kawalan Racun dan Baja akan melakukan penguatkuasaan lebih kerap terutamanya membabitkan kawasan panas dan di pintu masuk sempadan negara.

"Pegguna dan petani dinasihatkan tidak mudah terpedaya dengan sindiket yang menjual racun makhluk perosak tidak berdaftar itu dan apabila dikuatkuasakan, pengguna ingkar boleh dikenakan denda RM10,000 bagi kesalahan pertama dan RM50,000 bagi kesalahan kedua mengikut Akta Racun 1952," katanya.

Sebelum ini, cadangan pengharaman paraquat diusulkan Kementerian Kesihatan pada 1985 dan pada masa sama, Jabatan Pertanian Malaysia melalui Lembaga Racun Makhluk Perosak mengambil pendekatan berhemah semenjak 2006 dalam menuju pengharaman racun berkenaan.

Racun berkenaan tiada antidot dan tidak mudah terurai dalam tanah serta mendatangkan kesan buruk jangka panjang seperti dermatitis, kegagalan buah pinggang, kegagalan pernafasan, kanser kulit, parkinson, ketidaksuburan, keguguran dan kecacatan bayi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/3/2019	BH	ONLINE	

Sungai Kim Kim: Jawatankuasa Khas pantau sampel ikan, kualiti air



PUTRAJAYA: Pejabat Perikanan Negeri Johor (PPN Johor) menubuhkan Jawatankuasa Bertindak Khas bagi menyiasat dan memantau sampel dan parameter kualiti air bagi ternakan kupang dan ikan dalam sangkar di sekitar Pasir Gudang susulan pencemaran sisa bahan kimia di Sungai Kim Kim.

Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Munir Mohd Nawawi, berkata sampel ikan dihantar ke makmal Jabatan Perikanan atau makmal swasta untuk analisis secara terperinci bagi menentukan sama ada sumber ikan di kawasan itu adalah selamat untuk dimakan ataupun sebaliknya.

"Hasil analisis tersebut akan dimaklumkan dalam masa terdekat," katanya dalam kenyataan, di sini hari ini.

Mengenai video ratusan ikan mati kononnya akibat pencemaran sungai di Pasir Gudang yang tular di media sosial, beliau berkata pemantauan di kawasan ternakan ikan dan kupang di kawasan itu mendapati tiada laporan kematian ternakan setakat ini.

"PPN Johor menegaskan bahawa ia adalah berita palsu dan tiada insiden seperti digambarkan dalam video berkenaan berlaku di Sungai Kim-Kim, Kong-Kong atau mana-mana kawasan Pasir Gudang," katanya.

Munir berkata, sejurus selepas insiden tersebut pada 7 Mac lepas, PPN Johor telah menghubungi Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Kimia Negeri Johor serta menghantar sampel ikan bagi siasatan kualiti air yang mungkin terkesan daripada sisa buangan Sungai Kim Kim.

"Pihak JAS telah mengambil tindakan segera dengan menghalang aliran bahan kimia menggunakan 'oil boom'.

Menurut Munir, laporan awal dari Jabatan Kimia mendapati sampel air terkesan mengandungi metana, hidrogen klorida, acrylonitrile, acrolein, ethyl benzene, aldrich toluene, xylene dan limonene.

Katanya, terdapat lapan pangkalan nelayan berhampiran kawasan pencemaran bahan kimia tersebut melibatkan seramai 342 nelayan dan 181 penternak di sekitar Teluk Kabung dan Kampung Perigi Aceh. – BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/3/2019	BH	ONLINE	

Warga asing kena cekup tangkap ikan tanpa lesen



TAWAU: Tujuh lelaki warga asing termasuk seorang nelayan ditahan Pasukan Polis Marin (PPM) kerana disyaki menangkap ikan menggunakan pukut tanpa kelulusan Jabatan Perikanan di kawasan perairan Tinagat dekat sini, semalam.

Mereka ditahan oleh sepasukan anggota PPM yang menjalankan 'Op Gelora Khas' di kawasan perairan terbabit antara jam 11 hingga 11.30 pagi.

Komander PPM Wilayah 4 Sabah, Asisten Komisioner Mohamad Pajeri Ali, berkata pemeriksaan ke atas bot laju dikendalikan nelayan berumur 30 tahun mendapati suspek menggunakan pukut jenis tiga lapis, selain tiada lesen menangkap ikan daripada Jabatan Perikanan.

Beliau berkata, pihaknya turut menahan dua lagi juragan bersama empat awak-awak, masing-masing menggunakan dua bot pam di kawasan perairan sama.

Katanya, pemeriksaan mendapati kesemua mereka yang berasal dari Kampung Halo, Semporna dan berumur antara tiga hingga 29 tahun itu tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan diri yang sah.

"Tangkapan dan rampasan, termasuk bot serta enjin sangkut dianggarkan berjumlah RM10,800 dibawa ke Markas Operasi PPM Tawau untuk tindakan selanjutnya.

"Kes masing-masing disiasat mengikut Seksyen 11 (3)(a) Akta Perikanan 1985 dan Seksyen 6 (1)(c) Akta Imigresen 1959/63," katanya menerusi kenyataan hari ini.

Memperkasa industri hab halal negara

“Usaha itu dapat memastikan industri lembu daging negara mampu dikembangkan luas dan bukan sahaja dapat menampung keperluan daging domestik malah mewujudkan rantaian pekerjaan dan perkhidmatan yang meluas khusus untuk industri tersebut.”

MOHD REDZUAN YUSOF



Ashriq Fahmy
Ahmad

INDUSTRI ternakan lembu daging di Malaysia merupakan antara perusahaan yang menjanjikan pulangan lumayan kerana penggunaan daging dilihat semakin meningkat saban tahun. Malah dicatatkan bekalan yang sedia ada kini juga tidak mencukupi.

Bagi menampung permintaan yang tinggi tersebut, Malaysia telah mengimport lebih banyak daging kerana dicatatkan keperluan terhadap produk itu adalah sekitar 232,000 tan metrik setahun menjelang 2020.

Kadar pengeluaran dalam negara juga amat rendah dan tahap sara diri (SSL) bagi daging lembu di Malaysia adalah 23% pada 2010 dan unjuran permintaan daging meningkat daripada 1.4 juta tan metrik pada 2010 kepada 1.8 juta tan metrik pada 2020 dengan pertumbuhan 2.4% setahun.

Hal itu menunjukkan permintaan domestik terhadap bekalan daging halal terus meningkat terutamanya ketika musim perayaan.

Sebelum ini pemain-pemain utama dalam bidang tersebut banyak mengimport lembu hidup dari negara jiran seperti Thailand untuk dijual semula menerusi kaedah hidlot.

Pun begitu, permintaan yang tinggi dalam kalangan rakyat negara ini menyebabkan Thailand mula mengeksploitasi keadaan tersebut dengan menaikkan harga lembu hidup sewenang-wenangnya.

Jika dibandingkan dengan negara-negara pengeluar daging, Malaysia masih jauh ketinggalan untuk menjadi pengeluar utama daging halal di peringkat global.

Dalam usaha mahu menjadikan usaha itu satu realiti, negara terlebih dahulu perlu memenuhi permintaan domestik dan kualiti produk daging halal untuk bersaing di



AUSTRALIA merupakan antara negara pengeksport ternakan dan produk berkaitan daging terbesar dunia. Malaysia boleh menjadikan negara itu sebagai panduan dalam memperkasa industri tersebut. - GAMBAR HIASAN

peringkat antarabangsa.

Bagaimanapun, daging tempatan dilihat sentiasa bersaing sengit dengan daging import dari segi harga dan kualiti menambahkan cabaran buat pemain-pemain utama industri tersebut.

CABARAN INDUSTRI TERNAKAN

Mendepani cabaran tersebut, Kementerian Pembangunan Usahawan tampil dengan *Road Map* baharu bagi memperkasakan semula industri ternakan lembu daging sekali gus menempatkan Malaysia sebagai hab utama produk daging lembu halal dunia.

Menurut menteri, Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof, permintaan produk halal dunia terutamanya produk berasaskan protein amat besar dan dicatatkan meningkat sejajar dengan pertumbuhan umat Islam di peringkat global.

Oleh yang demikian potensi industri penghasilan daging halal dilihat amat besar. Buat masa ini ujar beliau yang lebih mesra dikenali sebagai Pak Wan, industri ternakan dan daging dikuasai negara-negara besar dan maju seperti Amerika Syarikat (AS), Brazil, China, India, Argentina

dan Australia.

Jika Malaysia mahu bersaing dengan negara-negara tersebut terutamanya dalam segmen daging halal, seluruh rantaian industri tersebut perlu diperkasa secara menyeluruh dan efektif.

Oleh itu ujar beliau, untuk fasa pertama Malaysia bakal membawa masuk negara pengeluar seperti Australia dan Argentina untuk turut sama melabur dalam industri ternakan di negara ini, sekali gus terlibat sebagai pengeksport bagi pasaran Asean malah dunia selain memenuhi permintaan tempatan.

“Untuk itu industri lembu daging dalam negara mampu dikembangkan luas dan ia bukan sahaja dapat menampung keperluan daging domestik malah turut mewujudkan rantaian pekerjaan dan perkhidmatan yang meluas khusus untuk industri tersebut.”

“Ia juga dijangka dapat memberi peluang kepada rakyat tempatan untuk mendapatkan daging lembu ini pada harga lebih murah termasuklah daging wagyu yang kita sedia maklum harganya amat mahal dan hanya mampu dibeli oleh mereka yang berada sahaja. “Ini dapat membantu

golongan B40 di negara ini dalam memenuhi rantaian dan limpahan perniagaan yang bakal wujud hasil pengembangan industri halal hub terutama dalam industri daging halal.

“Bayangkan golongan B40 ini boleh menjadi pengeluar dan pembekal makanan untuk ternakan lembu. Atau mereka ini boleh dihantar ke Jepun sebagai contoh untuk dilatih sebagai pelapah daging (*butcher*),” ujar beliau dalam satu pertemuan baru-baru ini.

Malah katanya lagi, ia juga membantu menjenamakan Malaysia sebagai hab halal produk daging lembu nombor satu dunia apabila segala kemudahan, perkhidmatan dan tenaga kerja telah tersedia secara menyeluruh.

MEWUJUDKAN SEKTOR PEKERJAAN BAHARU

Hal itu perlu bermula daripada pengeluar, pengimport dan pengeksport, pengedar, ejen, pakar penyediaan, pengangkutan darat, perkhidmatan veterinar, perkhidmatan depot pra-eksport, perkhidmatan kawalan kualiti, penghasil makanan haiwan ternakan dan perannam makanan haiwan ternakan (rumpun dan sebagainya).

Seterusnya industri yang sama turut mampu membangunkan sektor pekerjaan baharu dalam pelbagai sektor.

Ini antaranya perkhidmatan penghantaran haiwan ternakan, tenaga kerja baharu seperti krew perkapalan yang khusus untuk mengendalikan hal-hal eksport produk tersebut.

Selain itu, ejen perkapalan, pemilik kapal, petugas veterinar di atas kapal, perkhidmatan agensi-agensi kerajaan berkaitan, insurans, perbankan dan kewangan turut menerima limpahan.

Selain itu ujar beliau, dalam fasa kedua pula, tulang lembu juga berpotensi untuk dikembangkan untuk penghasilan produk halal seperti gelatin. Semua sedia maklum industri gelatin hanya sedikit sahaja terlibat halal.

“Hanya sedikit sahaja gelatin yang halal dan ramal di antara kita sebenarnya tidak sedar akan perkara ini. Oleh itu rantaian hab halal ini mampu berkembang kepada pengeluaran gelatin halal untuk pasaran tempatan dan juga antarabangsa terutama di negara-negara Islam.

“Selain gelatin, produk dari lembu ini juga boleh digunakan dalam pembuatan keju serta produk porselin yang sudah semestinya perlu dikuasai oleh rakyat negara ini sebagai langkah memenuhi permintaan di seluruh dunia,” ujar Pak Wan.

Oleh itu potensi bidang ini perlu diteroka sebaik mungkin untuk mendapat manfaat terbaik daripada industri ini.

Malah penglibatan pelbagai sektor dalam membangunkan industri tersebut dilihat amat besar semestinya ia dapat membangunkan ekonomi dan imej negara di mata dunia.

Jika ia benar-benar dilaksanakan tidak mustahil kos sara hidup juga menurun kerana keupayaan untuk mendapatkan harga produk lembu pada kos yang lebih murah dan rendah.

Kawasan ternakan tidak terjejas

Pasir Gudang: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) mengesahkan tiada kawasan ternakan di sekitar Sungai Kim Kim, di sini, terjejas akibat pencemaran sisa kimia beracun.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian Johor, Dr Sahrudin Jamal, berkata jabatan itu melakukan kajian pencemaran terhadap haiwan ternakan di kawasan berkenaan sejak kelmarin.

"Jabatan Veterinar melakukan kajian pencemaran terhadap haiwan ternakan di lokasi

Sungai Kim Kim sejak jam 10 pagi semalam (kelmarin).

"Hasil siasatan mendapati tiada kawasan ternakan terke- san," katanya dalam kenyataan, di sini, semalam.

Lima parameter gas diperiksa

Sementara itu, Dr Sahrudin berkata, lima parameter gas akan diperiksa bagi memastikan kualiti udara di kawasan terjejas pencemaran, terutama sekolah berada dalam keadaan selamat.

Katanya, parameter gas diperiksa ialah oksigen, karbon mo-

noksida, hidrogen sulfida (H₂S), 'Low Exposure Limit' (LEL) dan 'Volatile Organic Compound' (VOC).

"Sebanyak 30 pasukan di bawah Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, terutama Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Kimia sudah digerakkan bagi memantau kualiti udara di 42 sekolah dalam radius lingkungan lima hingga sembilan kilometer dari kawasan pencemaran sejak semalam (kelmarin)," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata, seramai 119

orang yang dimasukkan ke wad Hospital Sultanah Aminah (HSA) dan Hospital Sultan Ismail (HSI) akibat terjejas pencemaran bahan kimia sudah dibenarkan pulang sehingga jam 12 tengah malam kelmarin.

"Sehingga kini hanya 29 pesakit masih dirawat di wad hospital, berbanding 120 pesakit yang dilaporkan semalam (kelmarin).

"Empat pesakit masih mendapat rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU), berbanding tujuh pesakit sebelum ini dan mereka dilaporkan berada dalam keadaan stabil," katanya.

Jangan tangkap ikan temelian

Lelaki diberi amaran lantikan Perikanan Pahang bulan lalu

MOLLAHIZATI YUSOF

KUALA LUMPUR

Jabatan Perikanan Pahang mengeluarkan amaran terhadap seorang penduduk Ulu Tembeling, Jerantut kerana menangkap ikan temelian bulan lalu.

Pengarahnya, Azahari Othman berkata, pihaknya telah bertemu dengan lelaki tersebut bagi tujuan sias-

tan, sebelum tindakan undang-undang dikeluarkan terhadapnya.

Menurutnya, tiada sebarang tangkapan dibuat, sebaliknya perantaraan terhadap lelaki tersebut di sebahaini kekurangan bakteria untuk mengheretnya ke mahkamah.

"Aktiviti menangkap ikan ini banyak berlaku di Sungai Pahang, Sungai Jelai dan Sungai Terbeling kini sering kali (ia) menjadi ber-tela di beberapa kawasan luhak dan air cecak

"Ia disebabkan per-misahan yang tinggi dari-pada penggeraman ikan tersebut," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau sebelum ini memberitahu, ikan jenis berkenaan yang mencapai berat 25 hingga 30 kilo-

1991 Pahang.

Katanya, individu yang menangkap ikan temelian dalam tempoh larangan boleh dikenakan kompaun RM100 dan per-alihan menangkap ikan mereka dirampas.

Selain itu, beliaú ber-kata, lebih 40 papan tanda telah di sepanjang Sungai Pahang, Sungai Terbeling dan Sungai Jelai sebagai peringatan kepada pihak berkaitan supaya tidak me-lakukan aktiviti menan-gkap ikan temelian selama tiga bulan (Februari-April).

"Kita juga menubuhkan pasukan pemantauan media sosial seperti Facebook, WhatsApp dan Instagram untuk mengesan garbur-ikan temelian yang muat-naik oleh individu tertent-u," katanya.



Azahari Azahari menunjukkan ikan temelian sebesar 3.2 kg yang ditangkap di Pusat Pengurusan Air Kuala Lumpur.

gram (kg) dibarung ditang-kap bermula Februari hing-ga akhir bulan depan. Beliau, amaran itu telah dibuat pada awal bu-

lan lalu bagi memanta-orang ramai tidak menga-lakan aktiviti penangan-gapan ikan jenis tersebut. Dalam pada itu, Azaha-

ri berkata, individu yang ingkar boleh dikenakan tindakan dibawah penatua-an Kavaliti-Kaedah Per-ikanan (Perairan Sungai)

2 pemancing hilang bot karam

HARIAN METRO

Raja Morah Hilayah
Raja Abdul Aziz
morah@hmetro.com.my

■ Lapan daripada sepuluh individu diselamat nelayan pukat jerut di Tanjung Gemok

Keperluan

Dua pemancing hilang selepas bot yang mereka nalki bersama lapan rakan mereka karam di perairan Rompin, 19 batu nautika dari Pulau Layak, Tanjung Gemok, Sabtu lalu.

Dalam kejadian jam 9 pagi, dua mangsa yang hilang dikenali sebagai Alfa Rizuan Abd Aziz dan Azwan Abu Bakar.

Pengarah Maritim Negeri Pahang, Laksamana Muda Maritim Datuk Zulkarnain Mohd Omar berkata, seramai 10 pemancing berolak dari jeti Tanjung Puteri, Kuala Rompin di sini, jam 4 petang Jumaat lalu.

"Bagaimanapun, ketika dalam perjalanan pulang keesokan harinya, bot mereka memasuki air sebelum karam.

"Lapan pemancing diselamatkan bot nelayan pukat jerut yang melalui kawasan berkenaan selepas 10 jam terapung di tengah laut, namun dua pemancing didapati hilang," katanya.



MORAH Daud Mohd Hesar, 51, menampakan bot, diwakili bersama rakan-rang yang diterselamatkan sebelum karam di kawasan perairan Rompin hari-Aba 19 Sabtu dari Pulau Layak, Tanjung Gemok.

mangsa berasal dari Johor," katanya.

Sementara itu dalam kejadian berasingan, seorang nelayan turut dilaporkan hilang selepas terjatuh ke laut ketika melakukan kerja meringkap ikan jam 2 petang Sabtu lalu iaitu 6.8 batu nautika dari Jeti Kuala Rompin.

"Mangsa dikenali sebagai Sahidi Sahidin, 41, dan laporan kehilangan itu dibuat pemilik bot berkenaan," katanya.

Maritim Malaysia kini giat melakukan operasi mencari semua mangsa yang hilang dengan dibantu persatuan nelayan tempatan.



Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang menggerakkan aset KD Pendekar "Difahamkan, kedua-dua

Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) menggerakkan bot Maritim Pengalang dan operasi berkenaan turut dibantu

belum operasi mencari dan menyelamat (SAR) digerakkan bermula jam 8 pagi.

"Agensi Penguatkuasaan

Katanya, mangsa yang terselamat membuat laporan di Balai Polis Tanjung Gemok pada awal pagi kelmarin se-

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/3/2019	SINAR HARIAN	PENCEMARAN SUNGAI KIM KIM	13

SINAR HARIAN • SELASA 19 MAC 2019



Tinjauan dari udara memperlihatkan keadaan Sungai Kim Kim di Pasir Gudang, semalam.

Tidak beri kesan besar kepada penternak ikan, petani

PUTRAJAYA - Pencemaran sisa bahan kimia di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, Johor, tidak memberi kesan besar kepada penternak ikan dan petani di kawasan sekitar.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, laporan awal daripada tinjauan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) mendapati, hanya beberapa pengusaha ikan sungai menyatakan pendapat mereka sedikit terjejas berikutan pencemaran tersebut.

"Setakat ini, tidak ada tanda-tanda besar melibatkan

ikan dan sayur-sayuran. Saya telah minta pemantauan serius dibuat dan laporan terkini diumumkan," katanya selepas melancarkan kempen pengharaman racun Paraquat, di sini, semalam.

Salahuddin berkata, pihak kementerian akan menyalurkan bantuan jika penternak ikan dan petani mengalami kesan daripada insiden itu.

Sementara itu, ditanya isu bantuan baja tambahan kepada 322,000 pesawah seluruh negara, Salahuddin berkata, proses pengagihan telah selesai. - *Bernama*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/3/2019	HARIAN METRO	SETEMPAT	15

19-03-2019

setempat 15



Mohd Razman mengorek kolam untuk mengairi tanamannya di Kampung Bendang Pak Yong.



Mohd Razman menunjukkan tanah kering ketiadaan air.

Tumpat

Petani bimbang rugi besar

Seorang petani di Kampung Bendang Pak Yong di sini, melahirkan kebimbangan berdepan kerugian besar sekiranya kemarau berlarutan.

Mohd Razman Aziz, 41, berkata, dia mula menanam kunyit, tembikai, tebu dan ubi kayu di tanah seluas enam hektar sejak awal tahun ini terpaksa mengeluarkan modal tambahan untuk mengairi tanamannya.

Katanya, dia terpaksa menggali telaga untuk mengairi tanaman kunyitnya kerana musim kemarau yang berlarutan sejak beberapa bulan ini. "Saya sudah berhabis RM15,000 untuk memulakan penanaman sejak Januari lalu dan kos

bertambah untuk menggali telaga serta membeli sebuah enjin bagi mengepam air untuk tanaman kunyit serta tembikai.

"Separuh daripada tanaman tebu kering kerana kekurangan air kerana enjin mengepam air dari tali air terpaksa digunakan secara bergilir dengan tembikai," katanya di kebun kunyitnya di sini.

Menurutnya, dia juga bimbang sekiranya kemarau berpanjangan, ia akan turut menjejaskan sawah padinya seluas dua hektar dan ternakan itik.

"Saya hanya mampu berdoa supaya kemarau tidak berpanjangan hujan dalam masa terdekat," katanya.

“ Saya sudah berhabis RM15,000 untuk memulakan penanaman sejak Januari lalu dan kos bertambah untuk menggali telaga serta membeli sebuah enjin bagi mengepam air untuk tanaman kunyit serta tembikai”

Mohd Razman Aziz